

Lebuh Raya Teluk Kumbar-LTAPP dijangka siap Disember depan

PULAU PINANG 7 Mei - Pembinaan lebuh raya yang menghubungkan Teluk Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di sini dijangka selesai Disember ini.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan negeri, Datuk Seri Zainal Abidin Osman berkata, projek bernilai lebih RM390 juta itu dijangka menyaksikan pertambahan sehingga 20,000 buah kenderaan yang menggunakannya sebaik sahaja dibuka awal tahun depan.

Jelas beliau, projek pembinaan laluan empat lorong sepanjang tiga kilometer itu diyakini dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas yang dihadapi hampir 1.6 juta penduduk negeri ini berikutan jalan sempit terutama ketika

waktu puncak.

“Projek penambahbaikan yang dijalankan sejak Februari 2014 menunjukkan gerak kerja yang baik. Kini, lebih 80 peratus projek itu telah siap mengikut perancangan termasuk pemindahan dan pembinaan semula bangunan komuniti ke kawasan berhampiran.

“Ini merupakan usaha dan komitmen Kerajaan Pusat dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri serta pelbagai pihak berkepentingan dalam memastikan keselesaan penduduk,” katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan itu di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, harga pasaran tanah yang tinggi di Pulau Pinang

tidak menjadi masalah untuk menjalankan projek itu yang kos awal sepatutnya hanya RM220 juta.

Sementara itu, Pengarah JKR negeri, Ahmad Redza Ghulam Rasool berkata, sepanjang projek dijalankan, penduduk tempatan memberi kerjasama yang baik menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP).

Bagaimanapun katanya, projek yang sepatutnya dijangka siap Ogos tahun ini perlu dilanjutkan tempohnya kepada empat bulan berikutan beberapa tuntutan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang perlu diselesaikan pihaknya terlebih dahulu.